

# 92 Pelajar UniMAP Layak Ditemuduga Untuk Program Biasiswa Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP)



Nurshuhada Hakimin



Pada 1-3 September 2009 yang lalu telah berlangsungnya Temuduga Untuk Program Biasiswa Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP) Dalam Negara Politeknik Dan Kolej Komuniti. Seramai 92 orang pelajar UniMAP telah layak dipertimbangkan untuk ditemuduga pada kali ini. Berita gembira juga buat para pelajar yang telah ditemuduga kerana pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah memutuskan untuk tidak melaksanakan Ujian MedSI kepada calon-calon tajaan Biasiswa SLTP Pengajian Dalam Negara dan Luar Negara mulai tahun 2009 dan terus melaksanakan pemilihan temuduga.

Bilik mesyuarat HEPA dan Studio Kebudayaan HEPA telah digunakan sebagai tempat pemilihan temuduga biasiswa tersebut. Seramai 8 orang pegawai dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) hadir untuk menjalankan urusan pemilihan temuduga dan dibantu oleh staf Unit Pinjaman & Kebajikan bagi melicinkan urusan pemilihan tersebut.